

Enam pusat sementara dibuka

Alor Gajah: Banjir akibat hujan lebat sejak pagi kelmarin yang melanda daerah ini menyebabkan 533 penduduk daripada 125 keluarga terjejas teruk dan terpaksa tinggal di enam pusat pemindahan sementara.

Semua mangsa kini ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara iaitu Balai Raya Kampung Gadek, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pengkalan, Dewan Masjid Ar-Rasyidin, Balai Raya Kampung Beringin, Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam dan Balai Raya Kampung Panchor.

Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron mengarahkan pihak berkuasa dan pemimpin tempatan memantau semua pusat pemindahan sementara itu sepanjang masa.

"Saya meminta pihak berkuasa memberi perhatian kepada keperluan asas mangsa, selain suntikan motivasi kepada mereka yang terjejas akibat bencana yang melanda daerah ini.

"Saya menasihatkan mangsa banjir berwaspada kerana dibimbangi terdapat pihak melepaskan air dari takungan di hulu sungai yang boleh menyebabkan paras air naik mendadak," katanya ketika melawat mangsa banjir di pusat pemindahan SMK Seri Pengkalan, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kerajaan negeri (SUK) Datuk Naim Abu Bakar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Norpipah Abdol.

Idris berkata, kerajaan negeri turut bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memaklumkan bacaan terkini paras air manakala Jabatan Meteorologi pula menyediakan maklumat keadaan cuaca semasa negeri ini.

Bencana itu turut membabitkan beberapa kampung dalam Parlimen Masjid Tanah termasuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau dan Taboh Nanning yang menjejaskan 16 keluarga, namun mangsa tidak dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Sementara itu tinjauan Harian Metro mendapati, mangsa yang mempunyai masalah kesihatan diberikan perhatian pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan dihantar mendapatkan rawatan lanjut di hospital berhampiran jika perlu.